

17 FEB 1997

DR MAHATHIR HARAP PROJEK BAKUN TIDAK TERHALANG LAGI

KOTA KINABALU, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berharap projek empangan hidro elektrik Bakun di Sarawak tidak lagi menghadapi apa-apa halangan apabila Mahkamah Rayuan di Kuala Lumpur hari ini membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi berhubung projek itu hari ini.

"Kita teruskan sahaja projek itu ... saya harap tiada halangan lagi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perayaan berkembar Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidil Fitri di sini.

Mahkamah Rayuan di ibu negara membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang mengisytiharkan Perintah Kualiti Alam Sekitar (Aktiviti Berjadual) (Penilaian Kesan Alam Sekitar) Pindaan 1995 yang digunapakai bagi projek empangan Bakun di Sarawak, sebagai tidak sah.

Dr Mahathir enggan mengulas lanjut.

Mengenai isu pengembangan sayap Umno ke Sarawak yang hangat diperkatakan di negeri itu berikutan dakwaan ada cubaan sesetengah pihak di negeri itu untuk membawa Umno ke Sarawak, Dr Mahathir berkata parti itu tidak berhasrat berbuat demikian.

"Kita tidak ada niat hendak ke Sarawak," katanya.

Usaha untuk membawa parti itu ke Bumi Kenyalang itu turut dikaitkan dengan bekas tokoh politik Sarawak yang kontroversi Tun Abdul Rahman Yaakub, tetapi beliau kemudiannya menafikan terbabit dengan usaha itu. --
BERNAMA

JS KG PR